

19/05/2001

Guru wajar elak sebar fahaman politik kepada murid

MURID sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur menyambut Hari Guru secara agak luar biasa baru-baru ini. Mereka menyalakan 11,800 batang lilin pada malam Hari Guru. Ini untuk menyatakan penghargaan terhadap guru mereka.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menasihatkan guru supaya bersikap profesional dengan menunaikan kewajipan membimbing murid menjadi rakyat yang berguna pada masa depan tanpa mempengaruhi mereka untuk kepentingan politik.

Masalah guru tidak sekadar menjadi perhatian masyarakat, tetapi juga menjadi perbincangan hangat di kalangan guru sendiri. Tidak boleh dinafikan hakikat bahawa dalam keadaan negara sekarang menghadapi masalah sosial, maka masalah pelajar ikut menjadi persoalan penting tidak saja di kalangan ibu bapa dan guru, tetapi juga pemimpin.

Amatlah sukar untuk seorang guru hanya menumpukan perhatiannya mengajar muridnya saja. Pada zaman sekarang, tugas dan kewajipan guru lebih luas daripada sekadar mengajar anak murid menulis dan membaca.

Masalah penting yang dihadapi guru ialah disiplin. Bagaimana caranya hendak menunaikan kewajipan ini? Inilah persoalan yang banyak menjadi perbincangan di kalangan ibu bapa, guru dan pendidik.

Adalah penting untuk ibu bapa dan guru menjalin saling pengertian dalam menangani masalah ini. Ibu bapa wajar mengambil sikap terbuka dalam soal ini dalam erti kata menyerahkan kepada kebijaksanaan sekolah untuk mendidik anak mereka, termasuk membentuk akhlak mereka.

Ayah saya ialah seorang guru besar di Singapura. Walaupun dia sebagai guru besar, saya tidak dikecualikan daripada hukuman disiplin di sekolah. Saya juga beberapa kali dirotan oleh ayah saya kerana kesalahan disiplin. Demikian juga guru saya, mereka tidak mengecualikan saya daripada hukuman rotan kalau saya melakukan kesalahan.

Boleh dikatakan sukar untuk kita mencari murid yang seratus peratus serba sopan di sekolah. Walau pandai sekalipun murid itu, ada waktunya dia berkelakuan secara yang menjejaskan disiplin sekolah.

Guru bukanlah malaikat, tetapi manusia biasa. Kadang-kala mereka bertindak agak kasar terhadap murid nakal yang melanggar ketenteraman.

Ibu bapa wajar mengambil sikap bahawa apabila mereka menghantar anak ke sekolah, mereka tidak saja mengharapkan guru mengajar alif, ba, ta, tetapi lebih penting daripada itu mendidik anak mereka mempunyai budi pekerti yang baik dan nilai murni yang bakal menjadi bekalan hidup mereka sebagai warganegara yang berguna.

Saya secara peribadi berasa amat terhutang budi kepada guru saya. Malah, sesetengah mereka menjadi sahabat karib saya setelah saya dewasa dan menjadi pengarang akhbar.

Antara mereka, ada yang menjadi penulis untuk akhbar yang saya kendalikan. Sesetengahnya pula menjadi teman seperjuangan saya dalam politik. Seorang daripada teman saya yang akrab pernah menjadi penolong nazir sekolah Melayu di Singapura.

Setelah bersara daripada jawatannya, saya menawarkan dia bekerja sebagai salah seorang pembantu saya di Utusan Melayu. Dia adalah antara sahabat saya yang karib dan dalam hubungan setiap hari saya menganggap dia sebagai ayah saya sendiri.

Dr Mahathir mengingatkan guru supaya menjadi guru yang profesional, iaitu jangan mencampuradukkan fahaman politik mereka kepada murid. Ini adalah satu nasihat yang wajar.

Guru boleh mengasuh dan mendidik anak murid supaya mencintai agama dan negara, yaitu mengasuh mereka supaya menjadi warganegara yang berjasa kepada tanah air.

Mendidik anak kita supaya menjadi patriot, yaitu mencintai bangsa dan negara serta mentaati agama, tidaklah sama dengan mengajar anak murid berpolitik, apalagi membenci kerajaan.

Masa depan kita bergantung kepada generasi yang kini di bangku sekolah. Di tangan guru kita terletak tanggungjawab berat untuk mengasuh dan mendidik anak kita agar menjadi warganegara berguna pada masa depan serta menjadi waris pesaka yang akan kita tinggalkan.

Pada Hari Guru yang baru kita rayakan, kita berdoa kepada Allah swt agar guru kita meneruskan usaha murni yang terpikul oleh mereka untuk melahirkan generasi masa depan yang bakal menjadi benteng negara, bangsa dan agama.

(END)